

29/01/1998

Pengeluar dijangka lebih berdaya saing

SENTIMEN pasaran sekarang dijangka menyumbang kepada peningkatan keupayaan pengeluar tempatan, berikutan sikap pengguna yang kini mula mengalihkan perhatian kepada produk buatan Malaysia.

Penurunan nilai ringgit yang mengubah persepsi rakyat terhadap barangan buatan negara, memberi kelebihan kepada pengeluar memasarkan produk mereka.

Pelbagai kempen yang dijalankan dalam usaha membantu memulihkan ekonomi negara, mampu menyedarkan rakyat mengenai mutu keluaran tempatan yang setanding buatan luar negara.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut menegaskan, kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang akan pulih lebih cepat dengan kerjasama rakyat membeli barang keluaran tempatan manakala pengeluar meningkatkan mutu barangan eksport supaya mencapai taraf dunia.

Sementara itu, bagi menunjukkan komitmen terhadap kempen barangan buatan Malaysia, pelbagai pameran turut diadakan termasuk di Pusat Rekabentuk Eksport Antarabangsa (Ideco), Sungei Besi bagi menempatkan produk keluaran negara yang berlangsung selama tiga bulan bermula Januari.

(END)